

Bicara Najib Rabu ini

BH - 29/3/2019 m/s: 6

➔ Bekas PM hadapi tujuh pertuduhan babit dana RM42 juta

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bharian.com.my

✦ Kuala Lumpur

Mahkamah Tinggi di sini, semalam menetapkan Rabu ini bagi perbicaraan kes pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan membabitkan diri dalam aktiviti pengubahan wang haram yang dihadapi Datuk Seri Najib Razak.

Perbicaraan kes berprofil tinggi itu berhubung tujuh tuduhan yang dikenakan terhadap bekas Perdana Menteri membabitkan dana RM42 juta milik syarikat SRC International Sdn Bhd (SRC International).

Tarikh perbicaraan sehari itu ditetapkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali pada sebutan kes berkenaan, semalam.

Bagaimanapun, tarikh perbicaraan selanjutnya hanya akan ditetapkan kemudian oleh mahkamah.

Pendengaran kes SRC International pada awalnya dijadual ber-

mula 12 Februari lalu, tetapi ditangguhkan sementara menunggu beberapa rayuan yang difailkan Najib.

Keputusan panel 7 hakim

Prosiding semalam susulan selepas keputusan Mahkamah Persekutuan kelmarin, yang mengetepikan keputusan Mahkamah Rayuan yang membenarkan Ahli Parlimen Pekan itu menangguhkan perbicaraan kes SRC International itu.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Suhaimi Ibrahim memberitahu mahkamah mengenai keputusan panel tujuh hakim Mahkamah Persekutuan yang mendapati Mahkamah Rayuan tiada bidang kuasa untuk menangguhkan perbicaraan di Mahkamah Tinggi.

“Jadi kami membuat permohonan supaya kes ini dibicarakan pada 3 April ini (Rabu),” katanya.

Perbicaraan kes SRC International itu sepatutnya dibicarakan di Mahkamah Tinggi pada 12 hingga 28 Februari lalu dan 4 Mac hingga hari ini.

Peguam Harvinderjit Singh yang mewakili Najib bagaimanapun memohon supaya kes itu dibicarakan antara Mei dan Ogos depan kerana rayuan interlokutori dikemukakan anak guamnya akan didengar pada 4 April ini, selain perlu memberi keutamaan kepada kes jenayah berhubung syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dihadapi anak guamnya.

Katanya, pihak pembelaan bukan hendak melengahkan perbicaraan, bagaimanapun kes 1MDB pada peringkat ini adalah menjadi keutamaan.

Suhaimi bagaimanapun berkata, pihak pendakwaan sudah bersedia untuk memulakan perbicaraan kes terbabit.

Serah dokumen

“Kami sudah menyerahkan dokumen kepada pihak pembelaan dan kenyataan saksi juga sudah diberikan sebulan lalu.

“Kami juga sedang menimbangkan untuk menulis surat kepada Hakim Besar Malaya supaya kes ini diberi keutamaan berbanding kes 1MDB.

“Kalau boleh, kami mahu bicara kes ini bermula pada 3 April. Sekurang-kurangnya kami boleh bermula kemukakan saksi utama pada hari itu dan dan bersambung pada 8 April,” katanya.

Sementara itu, ditanya sama ada pendakwaan bersedia untuk memulakan perbicaraan pada 1 April ini, Suhaimi menjawab: “Kami tidak sempat menyediakan sapina untuk saksi.”

Pendakwaan dilakukan mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama, memperuntukkan hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda yang boleh sampai lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, atau mana-mana yang lebih tinggi.